

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan penerima Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) di Sabah dan usaha Kementerian membantu Pekebun Kecil Persendirian (PKP) di Sabah mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan laporan sehingga 31 Oktober 2020, bagi Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS), untuk negeri Sabah, sebanyak 81 permohonan dengan nilai RM5.3 juta telah diluluskan. Kelulusan ini melibatkan keluasan tanah pekebun kecil persendirian seluas 381 hektar.

Bagi Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) pula, untuk negeri Sabah, sebanyak 26 permohonan dengan nilai RM292 ribu telah diluluskan. Kelulusan ini melibatkan keluasan tanah pekebun kecil persendirian seluas 116 hektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya prihatin dengan nasib dan cabaran yang dihadapi oleh para Pekebun Kecil Persendirian (PKP) bukan sahaja di negeri Sabah malahan di seluruh negara.

Bagi meringankan bebanan PKP dalam usaha pensijilan ini, segala perbelanjaan untuk mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Kos yang terlibat merangkumi kos latihan, kos pengauditan, kos pembelian alat pelindungan peribadi dan rak bahan kimia. Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan 162 kelompok *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) di seluruh negara untuk mengumpulkan para PKP di dalam kelompok-kelompok pengurusan yang dikendalikan oleh para pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Sehubungan itu, bagi pekebun kecil yang masih belum memperolehi pensijilan MSPO, Kementerian sedang berusaha untuk mempersiapkan pekebun kecil ini mendapatkan pensijilan MSPO. Melalui pembabitan di dalam SPOC di seluruh negara, para PKP akan diberi latihan mengenai MSPO secara berterusan seperti *Good Agriculture Practices* (GAP), dan pengurusan tanaman sawit. Selain itu, bagi membantu PKP, Kementerian juga telah berurusan dengan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya bagi menangani isu-isu penukaran syarat nyata tanah serta isu tanah adat.

Bagi memantapkan lagi MSPO dan mengukuhkan kesedaran para PKP, pihak kementerian juga telah dan sedang giat menjalankan Program Jelajah MSPO di seluruh negara. Ini adalah salah satu usaha turun padang bagi memberi penerangan kepada PKP di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.